

30/06/2002

Puteri Umno sedih keputusan PM

KUALA LUMPUR: Puteri Umno akan menyerahkan memorandum bagi menyatakan rasa sedih dengan keputusan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melepaskan semua jawatan dalam parti dan kerajaan.

Ketuanya, Azalina Othman Said berkata, memorandum itu turut memasukkan penerimaan Puteri Umno terhadap keputusan Perdana Menteri dan rasa terima kasih dengan pertimbangan beliau untuk terus memimpin parti sehingga tamat proses peralihan kuasa.

Memorandum yang ditandatangani oleh semua ketua puteri negeri dan ahli exco itu akan diserahkan kepada Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi secepat mungkin.

Mengenai pilihan raya kecil di Pendang dan Anak Bukit, Kedah beliau berkata, Puteri Umno akan menggunakan sistem penandaan pada pilihan raya kecil Parlimen Pendang dan Dewan Undangan Negeri Anak Bukit bagi memudahkan pengundi mengenal pasti jentera pilihan raya di peringkat Pusat dan Negeri.

Langkah ini juga bagi mengelakkan wujudnya pihak yang menyalah gunakan nama serta warna Puteri Umno untuk merosakkan imej Puteri Umno terutama menjelang pilihan raya 18 Julai ini.

Ini berikutan kes seorang wanita warga Uzbekhistan yang ditangkap dan dihadapkan ke mahkamah berikutan menawarkan perkhidmatan untuk perkara sumbang dengan memakai kemeja T Puteri Umno di Kuantan, baru-baru ini.

"Dia takkan nak jadi ahli puteri, dia pun tak boleh berbahasa Melayu. Hakikatnya, dia pakai kemeja T Puteri dan bila dipakai ditangkap kerana melakukan kegiatan yang sumbang, siapa yang bagi dia pakai? Itu yang kita persoalkan. Kami tengok ini ada niat jahat oleh pihak tertentu yang nak merosakkan imej Puteri Umno.

"Terutama sekali apabila sudah dekat dengan pilihan raya, sudah tentulah banyak lagi benda pelik bin ajaib akan berlaku dan diikat Puteri Umno dengan perkara sedemikian," katanya pada sidang akhbar selepas mesyuarat khas pilihan raya kecil bagi membincangkan gerak kerja jentera Puteri Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini semalam.

Sehubungan itu, Azalina menasihatkan pengundi supaya berjaga-jaga tidak terlalu cepat percaya kerana ada pihak yang mahu memburukkan imej dengan mewujudkan isu nilai moral Puteri Umno.

"Jangan sebab dia pakai baju Puteri Umno, kita terus terima," katanya.

Azalina berkata, sistem penandaan yang akan diberikan penekanan sepanjang kempen pilihan raya itu dijangka dipersetujui malam ini bagi membolehkan ia digunakan menjelang mula operasi jentera, esok.

Azalina turut meramalkan isu agama sebagai isu yang hangat diberi penekanan memandangkan penentangan kali ini adalah antara calon Pas dan calon Barisan Nasional yang mana kebanyakan pengundi adalah Melayu.

Sehubungan itu, katanya, pihak Puteri Umno akan bersedia bagi mengelakkan ulangan kejadian dengan mengeluarkan arahan mengutamakan isu keselamatan dengan mengatur gerak kerja dalam rangkaian yang kemas.

Bagaimanapun, katanya, Puteri Umno tidak meramalkan tentangan yang hebat daripada pembangkang selain penolakan pengundi kepada pembangkang berdasarkan kajian dan berita yang diperolehi dan menyifatkan keadaan tenteram itu hasil daripada pimpinan kerajaan Barisan Nasional yang memuaskan hati rakyat Kedah.

(END)